



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**19 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**19 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)**

# Jawatankuasa khas rangka pelan khusus musim banjir

KPDNHEP pastikan bekalan makanan cukup sepanjang tempoh Monsun Timur Laut

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menuahkan jawatankuasa khas bagi menghadapi musim banjir terutama pada hujung tahun.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata jawatankuasa berkenaan sudah merangka pelan tindakan khusus untuk memastikan bekalan makanan mencukupi ketika keadaan cuaca buruk sepanjang tempoh Monsun Timur Laut.

"Kita sudah bersedia untuk memastikan bekalan makanan untuk rakyat tidak terjejas teruk ketika musim banjir.

"Jawatankuasa itu turut disertai pelbagai agensi lain yang berkaitan dan kami bekerjasama untuk meneliti keperluan dalam



Alexander (kiri) menyantuni orang ramai selepas melancarkan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Kampung Bunau, Serian, semalam.

(Foto BERNAMA)

pelbagai sudut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedup di Kampung Bunau, Serian, semalam.

Alexander mengakui, musim tengkujuh amat mencabar dan pihaknya tidak dapat menjamin keseluruhan bekalan makanan tidak terjejas.

"Untuk menjamin bekalan cukup 100 peratus memang sukar

dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, kami akan membuat pemantauan rapi untuk memastikan bekalan ada," katanya.

## Program JMKM


Mengenai program JMKM di Sarawak beliau berkata, sehingga 15 September, program berkenaan dilaksanakan di 118 lokasi di 65 kawasan DUN selepas ia dijenamakan semula daripada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJKM) sejak 15 Ogos lalu.

"Pencapaian ini adalah kesinambungan dari kejayaan KPDNHEP Sarawak melaksanakan PJKM di 196 lokasi di semua 31 kawasan Parlimen dengan rekod pengunjung seramai 267,978 orang dan jualan mencecah RM5.917 juta dari Disember 2021 hingga 14 Ogos 2022.

"Tetapi bukan nilai jualan yang kita banggakan, sebaliknya jumlah rakyat yang mendapat manfaat daripada program itu," katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : ISNIN  
TARIKH : 19/09/2022  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam <b>RM8.59</b>	Telur Gred A <b>RM13.35</b>	Gula Pasir <b>RM2.85</b>	Cili Merah <b>RM11</b>
	Daging Lembu Tempatan <b>RM38</b>	Ikan Kembung <b>RM8</b>	Bawang Besar Holland <b>RM4</b>	Kubis Bulat Tempatan <b>RM4</b>
	Daging Lembu Import <b>RM54.90</b>	Minyak Masak <b>RM6.99</b>	Bawang Putih <b>RM4.12</b>	Tepung Gandum <b>RM 2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 SEPTEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Sep	KPDNHEP rangka pelan pastikan bekalan makanan cukup ketika bah	<a href="https://selangorkini.my/2022/09/kpdnhep-rangka-pelan-pastikan-bekalan-makanan-cukup-ketika-bah/">https://selangorkini.my/2022/09/kpdnhep-rangka-pelan-pastikan-bekalan-makanan-cukup-ketika-bah/</a>	SELANGORKINI
19-Sep	GPS tingkat persediaan hadapi PRU15	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/221824">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/221824</a>	SH
19-Sep	Musim Tengkujuh   Jawa-tankuasa khas tangani isu kepenggunaan, harga barang	<a href="https://fb.watch/fDoM1c3bQK/">https://fb.watch/fDoM1c3bQK/</a>	ASTROAWANI
19-Sep	Nanta: Bigger allocation needed for KPDNHEP to continue key programmes	<a href="https://www.theborneopost.com/2022/09/18/nanta-bigger-allocation-needed-for-kpdnhep-to-continue-key-programmes/">https://www.theborneopost.com/2022/09/18/nanta-bigger-allocation-needed-for-kpdnhep-to-continue-key-programmes/</a>	THEBORNEOPOST
19-Sep	GPS GEARS PREPARATIONS GE15	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/politics/2022/09/832375/gps-gears-preparations-ge15">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/politics/2022/09/832375/gps-gears-preparations-ge15</a>	NST
19-Sep	GPS tingkat persediaan hadapi PRU15	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/gps-gears-preparations-ge15-381601%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/gps-gears-preparations-ge15-381601%3famp=1</a>	ASTROAWANI
19-Sep	GPS tingkat persediaan hadapi PRU15	<a href="https://www.bernama.com/bm/politik/news.php?id=2121439">https://www.bernama.com/bm/politik/news.php?id=2121439</a>	BERNAMA